



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN  
KARYA SENI**

**AFIQ NASHRIQ B. MOHAMED YUSOF**

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Seni Halus)  
2016

TR  
657  
AF257  
2016

**PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN KARYA SENI**

Afiq Nashriq Bin Mohamed Yusof

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

Please tick (✓)

Final Year Project Report


Masters

PhD

This declaration is made on the Thursday of June 2016.

**Student's Declaration:**

I **AFIQ NASHRIQ BIN MOHAMED YUSOF (40376)** from **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART** Shereby declare that the work entitled **PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN KARYA SENI** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.



AFIQ NASHRIQ BIN MOHAMED YUSOF (40376)

Submitte

20.06.16  
Date

**Supervisor's Declaration:**

I **ASSOCIATE PROF. HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN** hereby certifies that the work entitled **PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN KARYA SENI** prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Date:

20/6/16

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

**OPEN ACCESS**


**Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.


Student signature

(Date: 20.06.16)



Supervisor signature

(Date: 20/07/16)



Current Address:

NO 450 KAMPUNG BARU SUNGAI SERING, BATU 7 JALAN MARAN, 28030 TEMERLOH, PAHANG.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGAKUAN

Projek bertajuk **PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN KARYA SENI** telah disediakan oleh **AFIQ NASHRIQ BIN MOHAMED YUSOF** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh

  
(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Tarikh:

25/6/16

## PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **AFIQ NASHRIQ BIN MOHAMED YUSOF** disertai penulisan yang bertajuk **PENDEKATAN FOTOGRAFI HIDUPAN LIAR DALAM PENGHASILAN KARYA SENI** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:

(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)  
Penyelidik

### **Abstrak Kajian**

Kajian ini hasil inspirasi pengkongsian dari kehidupan hidupan liar melalui pemerhatian dan pengalaman pengkaji dengan menggunakan media fotografi. Karya fotografi hidupan liar ini memberi gambaran realiti terhadap kehidupan manusia dengan kehidupan haiwan liar dalam realiti sebenar berpandukan konsep dan dapatan kajian ini. Juga kajian ini difokuskan kepada teknik fotografi hidupan liar (*wildlife photography*) dalam penghasilan karya seni. Kajian ini dijalankan kerana didorong oleh minat yang mendalam dan juga pengkaji menyampaikan kisah pencarian identiti pengkaji dalam memilih *genre* fotografi yang diceburi oleh pengkaji sendiri.

Selain itu, pada pemerhatian pengkaji kebanyakan jurugambar yang memilih *genre* ini hanya menghasilkan gambar sahaja bukan karya seni. Tambahan pula bilangan jurugambar yang memilih *genre* ini di Malaysia khususnya, tidak mendapat sambutan yang tinggi jika dibandingkan dengan *genre* fotografi yang lain. Kajian ini adalah satu tanda langkah permulaan seorang jurugambar hidupan liar yang bermula pada peringkat awal lagi. Secara tidak langsung kajian dan pengalaman pengkaji ini dapat diadaptasikan dalam penghasilan karya akhir pengkaji.

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>Abstrak Kajian</b>	
<b>Bab 1</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.0.1Pendahuluan	1
1.1 Fotografi	1
1.1.1Fotografi Hidupan Liar ( <i>Wildlife Photography</i> )	2
1.2 Seni Instalasi	4
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Cadangan Penghasilan Karya Akhir	6
<b>Bab 2</b>	
2.0 Kajian Literatur	7
2.0.1 Pengenalan	7
2.1 Burung Bangau	7
2.2 Konsep Lead Room	17
2.3 Tema Kajian	19
2.4 Jurugambar / Artis Rujukan	21
2.4.1 Adrian Davies	21
2.4.2 Ch'ien C. Lee	22
2.4.3 Tim Laman	23



<b>2.4.4 Agus Gembel H.S.T</b>	25
<b>Bab 3</b>	
<b>3.0 Metodologi Kajian</b>	27
<b>3.0.1 Pengenalan</b>	27
<b>3.1 Kaedah Kajian Kualitatif</b>	27
<b>3.1.1 Kaedah Kajian Kualitatif : Sekunder</b>	28
<b>3.1.2 Kaedah Kajian Kualitatif : Buku Rujukan</b>	28
<b>3.1.3 Kaedah Kajian Kualitatif : Rujukan Jurnal</b>	29
<b>3.1.4. Kaedah Kajian Kualitatif : Laman Sesawang</b>	29
<b>3.1.5 Kaedah Kajian Kualitatif : Subjek Kajian</b>	29
<b>3.1.6 Kaedah Kajian Kualitatif : Tempat Kajian</b>	30
<b>3.1.7 Kaedah Kajian Kualitatif : Peralatan</b>	30
<b>Bab 4</b>	
<b>4.0 Analisis Data</b>	31
<b>4.0.1 Pengenalan</b>	31
<b>4.1 Analisis Data Kualitatif</b>	32
<b>4.1.1 Analisis Data Kualitatif : Buku Rujukan</b>	32
<b>4.1.2 Analisis Data Kualitatif : Rujukan Jurnal</b>	33
<b>4.1.3 Analisis Data Kualitatif : Laman Sesawang</b>	34
<b>4.1.4 Analisis Data Kualitatif : Subjek Kajian</b>	34
<b>4.1.5 Analisis Data Kualitatif : Tempat Kajian</b>	36
<b>4.1.6 Analisis Data Kualitatif : Peralatan</b>	37

**Bab 5**

**5.0 Kesimpulan Kajian**

43

**Rujukan**

47

## **Bab 1**

### **1.0 Pengenalan Kajian**

#### **1.0.1 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan bagi menghasilkan karya tahun akhir pengajian pengkaji dengan mengaplikasikan segala kemahiran dan ilmu yang dipelajari oleh pengkaji sepanjang menuntut ilmu di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ini. Kajian ini adalah ilham dari pengkaji bersama dengan bimbingan dari penyelia bagi menjayakan kajian ini dengan jayanya.

Kajian ini difokuskan kepada *genre* fotografi hidupan liar. Pengkaji memilih *genre* ini kerana pengkaji memahami dan telah mendalami *genre* ini dengan baiknya selama tempoh pembelajaran di UNIMAS. Faktor minat yang mendalam terhadap *genre* ini juga menjadikan pengkaji memilih *genre* ini sebagai idea untuk menghasilkan karya.

Kesimpulannya, pengkaji menghasilkan karya akhir dengan menggunakan *genre* fotografi hidupan liar dengan digabungkan bersama platform seni yang lain.

#### **1.1 Fotografi**

Menurut Abidin (2010), sejarah fotografi adalah pendek jika dibandingkan perkembangan sejarah seni tampak yang lain. Fotografi terwujud dengan pendekatan yang rapat diantara perkembangan sains dan seni. Kaedah saintifik ini tidak dapat dipisahkan kerana pada peringkat awalnya, ianya memerlukan kaedah sains dalam merakam dan merealisasikan imej yang terbentuk. Seni pula sumbangan orang dibelakang kamera dengan perancangan yang terperinci dalam menghasilkan imej yang diingini. Ini bermakna ilmu sains dan seni dalam fotografi sangat berkait rapat.

Malah perkataan fotografi juga merupakan gabungan daripada sains dan seni iaitu foto

yang bermaksud cahaya (sains) dan grafik yang bermaksud lukis (seni). Perkembangan sains kini bergitu pesat dan ketara dan kini fotografi telah bergerak setapak ke hadapan kearah era digital. Secara tidak langsung, ini mengubah persepsi perkembangan seni tampak dan fotografi ke dalam satu dimensi baru. Foto merupakan medium penyampaian makna yang tersirat. Ini lebih mudah difahami jika dilihat oleh golongan bukan seni.

Fotografi mempunyai berberapa *genre*. Antaranya ialah fotografi fesyen, fotografi *beauty*, fotografi potret '*portrait*', fotografi glamour, fotografi *human interest*, fotografi dokumentasi, fotografi jurnalistik, fotografi *city scape*, fotografi pengembaraan '*travelling*', fotografi semula jadi '*natural*' yang terbahagi kepada haiwan (fauna), tumbuhan (flora), landskap semula jadi, fotografi *still life*, fotografi seni bina '*interior*', fotografi *fine art* iaitu fotografi dalam konsep seni dan fotografi makro dan pelbagai lagi.

### **1.1.1 Fotografi Hidupan Liar (*Wildlife Photography*)**

Menurut wikipedia (2016), *the world's three largest photography organisations, the Photographic Society of America, the Fédération Internationale de l'Art Photographique and the Royal Photographic Society have adopted a common definition for nature and wildlife photography to govern photography competitions, their respective presidents writing in a joint statement. " The development of a common definition for nature and wildlife photography will be an important step in helping photographers, many of whom enter competitions internationally, know what the rules are. It will also provide organisers with a very clear definition when they need to deal with the problem of ineligible images"*. Terlahirnya istilah fotografi hidupan liar ini adalah daripada cetusan idea ketiga-tiga organisasi fotografi ini.

Seorang jurugambar perlu mahir dalam penguasaan fotografi hidupan liar dengan

elemen-elemen foto yang perlu dikuasai dan difahami oleh seorang jurugambar. *'I believe the success of a great image lies with three interrelated elements. First, you must have an attractive subject. Second, you must compose the picture in a pleasing, intriguing, or interesting manner. Finally, the finished photograph either must be technically correct or must just 'look right', with all the pieces falling into space,'* (Joe McDonald, 1994, p.8).

Fotografi hidupan liar ini merakam subjek yang mempunyai kaitan dengan hidupan liar khususnya haiwan dan binatang. Menurut Joe McDonald (1994), fotografi hidupan liar ini difokuskan kepada subjek seperti *amphibians, reptiles, birds and mammals*. Fotografi hidupan liar yang baik dinilai dari pelbagai aspek. Namun aspek yang paling penting ialah ketajaman. Kemudian baru dinilai dari aspek dedahan (*exposure*), komposisi, dan lain-lain. *'Having a great image should imply sharpness, although it doesn't necessarily demand it. Most good shots are properly exposed. However, on rare occasions, an image that is under or over exposed produces a striking photograph. In wildlife photography all of this ultimately depends upon finding a subject. It is no secret that most good photographers are also good naturalist, or at least they are knowledgeable about the subject they like to capture on film. If you don't know your subject, you'll have to rely in blind luck to lead you to whatever subjects you encounter'.*

Kesimpulannya, fotografi hidupan liar ini memerlukan kesabaran, ketabahan dan masa yang lama untuk mahir dalam bidang ini. Kefahaman terhadap fotografi perlu dimantapkan dan teknik juga memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan foto hidupan liar yang baik

## **1.2 Seni Instalasi**

Platform ini telah dipilih oleh pengkaji. Menurut Wikipedia (2013), seni instalasi (*installation*) ialah seni memasang, menyatukan yang berbentuk 3-dimensi dan memberi makna yang tertentu.

Seni instalasi ini dipilih kerana hasil kajian akan diletakkan di sesebuah sudut, kawasan atau ruang yang tertentu. Platform ini bersesuaian dengan kajian pengkaji kerana ia perlu dibuktikan kepada audien hasil kajian dan juga ia secara tidak langsung akan menghasilkan hubungan interaktif diantara audien dan hasil kajian.

## **1.3 Permasalahan Kajian**

Melalui pemerhatian dan pengalaman pengkaji, bidang fotografi hidupan liar ini kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan bidang fotografi yang lain seperti fotografi potret, fotografi jalanan, fotografi studio dan lain-lain. Pengkaji melihat bidang fotografi hidupan liar ini satu bidang yang kritikal mahupun dari segi fizikal dan mental. Sudah pasti tidak ramai yang mengabdikan diri dalam bidang ini. Bidang ini mencabar dan sentiasa memberi tekanan kepada fotografer ketika proses penghasilan gambar yang baik. Memperjudikan masa dan tenaga itu menjadi lumrah bagi pengiat fotografi hidupan liar.

Oleh itu, pengkaji cuba menonjolkan bidang fotografi hidupan liar ini dengan penghasilan karya akhir pengkaji. Secara tidak langsung, fotografi hidupan liar ini akan lebih dikenali oleh golongan seperti pelajar dan seterusnya memupuk minat dalam diri untuk memilih bidang ini sebagai kerjaya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- I. Untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan bidang fotografi hidupan liar.
- II. Untuk mengkaji teknik penghasilan foto yang baik dalam fotografi hidupan liar.
- III. Untuk mengaplikasikan hasil kajian dalam penghasilan karya akhir pelajar.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

- I. Bagaimanakah cara, tips dan teknik terbaik bagi menghasilkan fotografi hidupan liar yang baik?
- II. Adakah dengan penghayatan yang mendalam menjamin hasil yang baik?
- III. Apakah aspek yang penting dalam penghasilan fotografi hidupan liar?
- IV. Bagaimanakah cadangan dan hasil kajian yang dikemukakan ini dapat diaplikasikan didalam projek tahun akhir pengajian?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi menjawab segala persoalan kajian dan menyelesaikan permasalahan kajian yang dihadapi. Objektif cuba dicapai oleh pengkaji namun jawapannya diketahui setelah kajian ini dijalankan.

Kajian ini juga penting kerana ianya berkait rapat dengan pembelajaran pengkaji dan minat pengkaji. Pengkaji telah menceburi pelbagai bidang fotografi namun fotografi hidupan liar adalah bidang yang memberi kepuasan terhadap pengkaji. Seterusnya melalui pemerhatian dan pengalaman pengkaji terhadap bidang fotografi ini mencetuskan idea kajian. Kajian ini berpotensi untuk dijadikan sebagai karya projek tahun akhir pengkaji bagi membuktikan hasil kajian yang dijalankan.

Kesimpulannya, kajian ini perlu dijalankan bagi menyelesaikan permasalahan kajian, persoalan kajian dan mencapai objektif kajian dengan baiknya. Juga bagi menghasilkan karya akhir pengkaji setelah selesai melakukan kajian.

### **1.7 Cadangan Penghasilan Karya Akhir**

Cadangan pertama ialah pengkaji akan mencetak semua hasil kajian iaitu foto-foto hidupan liar yang telah dilakukan dengan menggunakan media (kertas cetakkan) yang sesuai. Pengkaji menggunakan pelantar seni instalasi untuk mempamerkan hasil kajian kepada audien iaitu hasil-hasil fotografi hidupan liar. Dengan menggunakan media kayu *plywood* pengkaji merancang untuk menghasilkan kotak untuk dijadikan media untuk dilekatkan atau ditampal foto-foto yang telah dicetak.



## **Bab 2**

### **2.0 Kajian Literatur**

#### **2.0.1 Pengenalan**

Menurut Diana Ridley (2008), kajian literatur merupakan aktiviti yang mempunyai pelbagai aspek tetapi ianya bukan sesuatu yang luar biasa sehingga boleh membuatkan pengkaji menjadi keliru untuk mencapai sasaran kajiannya. Melalui kajian awal ini, minda pengkaji akan terbuka dan idea akan senang atau mudah dicapai. Seterusnya, melalui kajian literatur ini juga pengkaji akan dapat mensasarkan skop kajian dengan lebih jelas. Menurut Ridley juga, kajian literatur ialah merupakan sebahagian kandungan yang penting kerana melalui penelitian kajian literatur, kajian dapat dilakukan secara meluas.

#### **2.1 Burung Bangau**

Menurut G.W.H. Davison, Karen Phillipps, dan Alias Kamis (1989,m/s 26), beberapa jenis burung bangau yang terdapat di Malaysia seperti bangau besar *Egretta alba* (Great Egret), bangau kecil *Egretta garzetta* (Little Egret), bangau batu *Egretta sacra* (Pacific Reef-egret), dan bangau kendi *Bubulcus ibis* (Cattle Egret).



(Rajah 1 : Burung Bangau Besar. Sumber : Milik Pengkaji.)

Menurut G.W.H. Davison, Karen Phillipps, dan Alias Kamis (1989,m/s 26) bangau besar ini besar (82cm\*) (rajah 1), berwarna putih dan mempunyai kaki berwarna hitam. Paruhnya berwarna kuning, tetapi pada musim pembiakan iaitu di antara bulan April hingga September, bertukar menjadi hitam. Burung ini dijumpai di sawah padi, paya dan hutan bakau. Bangau ini memakan ikan, ketam dan haiwan yang dapat ditangkap dalam air dan lumpur. Bangau besar ini biasanya dilihat bersendirian atau dalam kumpulan kecil.





(Rajah 2 : Burung Bangau Kecil. Sumber : Milik Pengkaji)

Menurut G.W.H. Davison, Karen Phillipps, dan Alias Kamis (1989,m/s 26) bangau kecil (55cm\*) (rajah 2) pula berwarna putih dan mempunyai badan besar tetapi bentuknya lampai. Paruhnya berwarna hitam. Kakinya panjang, berwarna hitam tetapi jarinya berwarna hijau atau kuning. Burung bangau jenis lain mempunyai kaki dan paruh yang berlainan warnanya. Bangau kecil berhijrah ke Malaysia di antara bulan Oktober dan April. Burung ini tinggal di sepanjang pantai bakau, paya dan kadang-kadang di sawah padi.





(Rajah 3 : Burung Bangau Batu. Sumber : Wikipedia)

Menurut G.W.H. Davison, Karen Phillipps, dan Alias Kamis (1989,m/s 26) bangau batu (55cm\*) (rajah 3) wujud dalam dua jenis warna. Ada burung yang berwarna putih dan ada pula berwarna kelabu gelap. Semua burung jenis ini mempunyai paruh berwarna kuning atau kelabu dan kaki hijau. Bangau batu dapat dibezakan dengan bangau jenis lain dengan melihat paruh dan kakinya. Burung yang jenis putih dan jenis kelabu ini boleh dilihat bersama-sama burung kelabu biasa kelihatan di pantai berbatu di Malaysia Timur. Ia biasanya bertelur di atas tanah. Burung jenis putih biasa dijumpai di pantai berlumpur di Semenanjung dan bertelur di atas pokok.

Menurut G.C. Madoc ( 1985, m/s 33), jika kita melawat pulau-pulau kecil yang berbatu atau mana-mana pantai berbatu, burung bangau batu ini pasti dapat dilihat dalam kumpulan berdua atau bertiga ataupun bersendirian. Mereka mencari makanan di batu-batu karang di kawasan air pasang surut dan jarang sekali mereka meninggalkan



kawasan ini. Melalui pemerhatian pengkaji, pengkaji pernah melihat burung ini dikawasan Pulau Gaya, Sabah sedang mencari makanan dan berterbangan di kawasan pulau.



(Rajah 4 : Burung Bangau Kendi. Sumber : Milik Pengkaji)

Menurut G.W.H. Davison, Karen Phillipps, dan Alias Kamis (1989,m/s 26) bangau kendi (50cm\*) (rajah 4) juga berwarna putih. Saiznya lebih kecil daripada bangau kecil. Paruhnya adalah kuning dan kaki berwarna hijau. Burung ini berhijrah ke Malaysia mulai bulan Oktober. Sebelum meninggalkan Malaysia pada bulan Mac, sesetengah burung ini mula membentuk bulu musim pembiakan iaitu bulu jingga di atas kepala, leher dan belakang. Kumpulan burung ini biasa kelihatan berhampiran dengan lembu dan kerbau di padang rumput dan sawah padi. Bangau ini makan belalang dan serangga-serangga lain yang telah terganggu oleh haiwan pemaun itu.



Namun menurut G.C. Madoc ( 1985, m/s 34) pula, burung ini boleh dilihat bertenggek di belakang lembu atau kerbau atau melompat-lompat di antara kaki binatang itu untuk mendapatkan kutu-kutu dan serangga yang menjadi bahan makanannya. Burung bangau ini tidak melawat kawasan lumpur yang digemari oleh spesis lain yang bersaudara dengannya.

Menurut Rosla Mustakim (2014, m/s 67), keluarga burung bekok dan burung bangau kebiasaannya boleh ditemui di kawasan hutan bakau dan persisiran pantai, muara ketika air laut surut. Burung akan berjalan di atas selut dan meninjau ninjau lopak sambil mencari makanan daripada pelbagai jenis hidupan laut. Mempunyai paruh berbentuk pisau yang bermuncung tajam. Rata-rata bulu hiasnya berwarna putih melepak kecuali burung bekok karang pasifik yang akan berubah warna bulu hiasnya ketika musim mengawan. Mempunyai leher jenjang dan keting kaki yang lurus panjang pelbagai warna iaitu hitam, merah, kelabu dan kuning.





(Rajah 5 : Belekok Karang Pasifik. Sumber : Wikipedia)

Menurut Rosla Mustakim (2014, m/s 68), Belekok Karang Pasifik *Pacific reef Egret* – *Egretta sacra* (rajah 5) mempunyai dua fasa perubahan warna bulu hias burung. Seluruh anggota badan berwarna hitam kelabu ketika musim mengawan dan ketika di luar musim mengawan, bulu hiasnya berwarna putih melekak.



(Rajah 6 : Belekok Kecil. Sumber : Milik Pengkaji)

Belekok Kecil *Little Egret* – *Egretta garzetta* (rajah 6) mempunyai paruh muncung dan tajam berbentuk pisau berwarna kelabu kehitaman.





(Rajah 7 : Belekok Cina. Sumber : Wikipedia)

Belekok Cina *Chinese Egret – Egretta ulophotes* (rajah 7) mempunyai paruh muncung dan tajam berbentuk pisau berwarna kuning terang. Terdapat warna biru cair di antara biji mata dan pangkal paruh.